

Impak Terapi Kerja dalam Membantu Proses Kepulihan Klien CCRC
(Impacts of Work Therapy in Supporting CCRC Clients' Recovery)

Siti Marziah Zakaria ^{*1},
Juliana Rosmidah Jaafar²,
Norulhuda Sarnon¹,
Mohd Nasir Selamat¹
Noordeyana Tambi¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

²*Centre for Foundation and General Studies
Infrastructure University Kuala Lumpur*

*Corresponding e-mail: [marziah@ukm.edu.my]

Various initiatives and approaches have been taken by the authorities to overcome the problem of drug addiction. Amongst them is a recovery program that uses a recovery approach through work therapy. This program has been launched by the National Anti-Drug Agency of Malaysia (AADK) and implemented at selected CCRC (Cure and Care Rehabilitation Center). In-depth interviews were conducted to six (6) officers that are responsible for guiding and monitoring CCRC trainers in this agricultural project. The transcribed interviews were analyzed by the thematic method of analysis to reveal the key themes of the perception of the officers towards the impacts of the program. The results show that the AADK NBOS3 program has trained the trainee on agricultural projects, enhances efficiency and working capability, training new skills and knowledge, mobilizing attitude change and behavior, leveraging time with quality, and working as a therapy. Thus, the AADK NBOS3 program does not only help trainees to get employed, but also help them to fight drug addiction, improving mental and physical health, preventing cognitive distortion, and changing their mentality and attitude.

Keywords: work therapy, NBOS3, AADK, recovery, agriculture

Strategi Lautan Biru Kebangsaan dirangka untuk menyampaikan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi, kos yang lebih efektif dan segera dilaksanakan. Rancangan Malaysia ke-11 menggunakan strategi ini untuk mencapai matlamat transformasi negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2013). Dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan, pelbagai kementerian dan agensi bekerjasama untuk melaksanakan strategi kreatif, inovatif dan produktif untuk mencapai matlamat yang

disasarkan. Setakat ini, lebih daripada 90 inisiatif NBOS telah berjaya dilaksanakan untuk menangani pelbagai isu sosial dan ekonomi. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2009, kerajaan telah memenuhi aspirasi rakyat Malaysia ke arah merealisasikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi dan sejahtera (Jabatan Penerangan Malaysia, 2013).

NBOS3 telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk

membantu para pelatih pulih daripada ketagihan melalui pendekatan terapi kerja. Pelatih yang terlibat dalam projek berkenaan akan mengusahakan tanah-tanah kerajaan dengan menanam pelbagai jenis sayuran dan menjalankan penternakan. Ia diusahakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada 1 Disember 2011, projek pertama telah dimulakan di Cure and Care Rehab Centre (CCRC) Dengkil, Selangor. CCRC Dengkil menjalankan projek tanaman secara terbuka. Ini diikuti oleh CCRC Karangan, CCRC Jelevu, CCRC Muar dan CCRC Gambang. Antara projek pertanian yang diusahakan adalah penanaman *rock melon*, penanaman sayur, penanaman cili secara fertigasi, penanaman kelapa sawit serta penternakan kambing, lembu dan ikan keli.

Objektif utama NBOS3 AADK adalah untuk memulihkan pelatih melalui terapi kerja, mendedahkan pelatih kepada teknik pengurusan perniagaan berasaskan pertanian dan memberi kemahiran serta asas pertanian kepada kakitangan sebagai penyelia projek. Terapi kerja boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan dimana pelatih akan melaksanakan aktiviti berfaedah atau menjalankan sesuatu tugas dan kerja untuk mencapai matlamat pemulihan (Mosby's Medical Dictionary, 2009)

Melalui NBOS3 juga, pelatih akan menjalankan aktiviti pertanian yang ditugaskan kepada mereka. Pelatih akan diajar kemahiran yang baharu dan tugas yang spesifik. Mereka juga akan diberi peluang untuk membiasakan diri dengan rutin kerja dan etika kerja. Pelatih akan mendapat insentif berdasarkan kerja yang dilaksanakan. Melalui pendekatan terapi kerja, pelatih akan ditanamkan dengan nilai disiplin, tanggungjawab, amanah dan jujur (Liimatta, 2017). Aktiviti pertanian yang dijalankan merupakan satu latihan fizikal yang baik untuk mereka. Ia akan membiasakan pelatih dengan gaya hidup sihat dan untuk mempunyai kehidupan

yang bermatlamat. Mereka juga diharapkan mempunyai sedikit wang saku apabila keluar daripada pusat. Pelatih yang telah menjalani program NBOS3 dijangkakan mempunyai keyakinan diri untuk memulakan pekerjaan nanti atau mereka boleh menjalankan perniagaan berasaskan pertanian. Dengan kemahiran dan ilmu yang diperolehi daripada program, sudah tentu pelatih boleh mengusahakan pertanian sendiri nanti.

Program NBOS3 juga boleh memupuk budaya kerja yang baik seperti boleh dipercayai, menepati masa, gigih serta boleh menerima arahan. Budaya ini lebih penting daripada kemahiran teknikal seperti kemahiran IT, kemahiran menternak, kemahiran mengurus dan sebagainya. Pelatih perlu sedar bahawa kerja yang dilaksanakan adalah tanggungjawab ke atas mereka. Oleh itu, mereka perlu melaksanakannya dengan penuh amanah. Mereka juga perlu menjaga peralatan pertanian dan kemudahan yang disediakan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa majoriti penagih dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan di Malaysia berada pada tahap kesediaan untuk berubah yang rendah iaitu Precontemplation dan Contemplation dan masih kekal pada tahap yang sama apabila dibebaskan (Najwa, Sabitha & Mahmood, 2008; Abdul Halim, 2010).

Ini bermakna mereka masih belum membuat keputusan untuk berubah. Tahap-tahap ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi yang perlu diperlengkapkan dalam diri pelatih-pelatih di Pusat Pemulihan AADK. Mereka masih tidak mempunyai matlamat yang jelas dalam kehidupan mereka, masih tidak yakin dengan haluan selepas keluar daripada pusat, atau belum bersedia untuk menjalani kehidupan yang normal dalam alam pekerjaan. Oleh itu, projek pertanian NBOS3 AADK diharapkan dalam mengisi kekurangan-kekurangan ini supaya pelatih bersedia untuk menjalani kehidupan yang

normal dan aktif kelak. Mereka dijangkakan bersedia untuk melalui alam pekerjaan, mempunyai disiplin diri serta matlamat yang jelas, minat untuk bekerja, serta yakin dengan keupayaan diri. Justeru, artikel ini akan meneroka persepsi pelaksana terhadap impak program NBOS3 AADK dalam membantu kepulihan pelatih melalui pendekatan terapi kerja.

Sorotan literatur

Bekas-bekas pelatih dari pusat pemulihan dan penjara sering kali disifatkan sebagai miskin, tidak berpendidikan tinggi, tidak mempunyai pekerjaan serta menjadi ancaman kepada masyarakat (Blomberg, Bales & Piquero, 2012). Realitinya, ada beberapa sebab mengapa bekas pelatih tidak mempunyai peluang pekerjaan atau tidak diterima bekerja. Antaranya ialah kerana kekurangan kemahiran vokasional, kemahiran interpersonal serta kebolehan yang diperlukan oleh organisasi (Vacca, 2004). Kesukaran untuk mendapat pekerjaan dalam kalangan bekas pelatih akan menjadi ancaman kepada negara kerana mereka akan cenderung untuk relaps dan terlibat dalam aktiviti jenayah.

La Vigne et al. (2008) mengesahkan bahawa krisis pengangguran selepas dibebaskan merupakan indikator penting bagi relaps. Ia juga menghalang proses integrasi bekas pesalah ke dalam masyarakat kerana mereka akan terus berasa disisihkan dan dipandang rendah. Mereka juga sering berdepan dengan tanggapan negatif majikan dan rakan sekerja setelah berjaya menempatkan diri dalam sektor pekerjaan (Hartfree, Dearden & Pound, 2008). Ramai juga pelatih yang telah dibebaskan berdepan dengan penolakan bakal majikan setelah tahu rekod jenayah mereka (Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar & Norhazila Mat Lazim, 2019). Justeru, bidang pertanian dan perniagaan adalah alternatif kepada bekas pesalah untuk meneruskan hidup mereka setelah

dibebaskan untuk hidup secara aktif dan normal.

Langa dan Masuku (2015) melaporkan kesan positif program kerja community (Community Work Programme) dalam kalangan bekas pesalah. Program ini memberi peluang pekerjaan kepada mereka dan memudahkan proses integrasi mereka ke dalam masyarakat. Bekas-bekas pesalah telah diberi peluang untuk terlibat dalam kempen-kempen anti-jenayah kepada belia yang berisiko. Mereka memberi kesedaran kepada belia akan kesan negatif jenayah, keganasan dan penyalahgunaan dadah (Langa & Masuku, 2015). Belia juga dinasihatkan untuk menjauhkan diri daripada aktiviti jenayah berdasarkan kisah benar yang telah dilalui oleh mereka. Justeru, kaedah ini didapati berkesan dalam memberikan titik penyesalan kepada diri bekas pesalah.

Solomon et al. (2004) menganalisis kesan tugas pekerjaan dalam penjara negeri dan persekutuan pada tahun 2000. Antara tugas yang diberikan kepada pesalah ialah kerja am, pertanian dan industri. Pengalaman yang diperoleh semasa bekerja dalam penjara memberi nilai tambah kepada pesalah setelah mereka dibebaskan. Antaranya pengalaman daripada segi disiplin dan pengurusan masa, pergaulan dengan rakan sepasukan dan komunikasi interpersonal dengan dengan penyelia. Ia juga melatih pesalah dengan kemahiran-kemahiran yang baharu serta dapat meningkatkan produktiviti mereka dalam penjara (Solomon et al., 2004).

Bekerja dalam penjara juga didapati dapat mengurangkan salah laku dalam penjara serta memberi kepuasan sendiri kepada pesalah (Solomon et al., 2004). Elaun atau upah yang diperolehi dapat membantu keluarga mereka. Ini memberi kepuasan bekerja kepada mereka dan dapat meningkatkan penghargaan sendiri. Kajian lain juga mendapati bahawa pesalah yang terlibat dalam program pekerjaan

lebih berpeluang untuk diambil bekerja setelah dibebaskan (Wilson, Gallagher, and MacKenzie, 2000; Saylor & Gaes, 1999). Ini kerana mereka telah didedahkan kepada kerja dalam pasukan, amanah dan kemahiran berkomunikasi sepanjang melalui program tersebut (Enterprise Prison Institute 2002).

Metodologi

Rekabentuk dan sampel kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual telah digunakan bagi mengumpul data kajian ini. Seramai enam orang pelaksana telah terlibat dalam temu bual mendalam ini. Mereka merupakan pegawai yang memantau pelaksanaan projek NBOS3 AADK di CCRC terlibat. Pegawai ini terlibat secara langsung dalam memastikan projek yang dirancang berjalan dengan baik.

Teknik persampelan yang telah digunakan adalah teknik persampelan bertujuan iaitu menyasarkan kepada informan yang boleh menjawab persoalan kajian. Teknik ini juga meletakkan beberapa kriteria untuk pemilihan informan kajian iaitu: sekurang-kurangnya telah terlibat selama 3 bulan dalam program NBOS3 serta masih aktif menyelia aktiviti pertanian. Temubual dijalankan dengan menggunakan soalan secara separa berstruktur untuk memberi sedikit fleksibiliti kepada subjek kajian menjawab soalan-soalan yang diajukan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual kepada kumpulan pelaksana di tiga buah CCRC bagi mendapatkan maklumat. Soalan-soalan temu bual disahkan melalui kesahan konstruk dan kandungan. Terdapat sepuluh soalan yang merangkumi persepsi pelaksana terhadap komitmen pelatih, kebolehan bekerja, budaya kerja serta impak program kepada klien. Kumpulan pelaksana ini telah ditemubual bagi menjawab objektif kajian iaitu menilai persepsi mereka terhadap keberkesanan

program ini dalam usaha membantu proses pemulihan pelatih yang terlibat.

Analisis data

Dalam kajian ini, data kualitatif dianalisis dengan menggunakan teknik tematik yang melibatkan beberapa langkah iaitu mengenalpasti tema atau corak, pengkodan dan pengklasifikasian data dan mentafsirkan (*interpret*) hasil struktur tematik tersebut sepertimana yang dicadangkan oleh Mills, Durepos dan Wiebe (2010). Prosedur menganalisis secara tematik dimulakan dengan mengenalpasti elemen penting yang disebut oleh informan semasa temubual dijalankan. Pengkaji turut melakukan *pattern matching* seperti yang dicadangkan oleh Yin (2011) bagi mengenalpasti keselarian corak tema hasil temubual. Kemudian, sekiranya elemen tersebut muncul semula (*re-emerged*) dan bertindih (*overlapping*) semasa temubual yang seterusnya, elemen tersebut dikeluarkan sebagai tema.

Etika dan kerahsiaan

Permohonan menjalankan penyelidikan telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah AADK sebelum pengumpulan data dimulakan. Setelah kelulusan diperolehi, kebenaran untuk pengumpulan data pula dimohon kepada pengarah CCRC yang terlibat. Sebanyak 5 CCRC telah terlibat dalam penyelidikan ini.

Informan yang terpilih juga telah diberikan penerangan ringkas mengenai projek penyelidikan ini. Penyelidik memohon keizinan mereka untuk ditemubual melalui borang persetujuan yang disediakan. Borang persetujuan telah ditandatangani oleh semua informan terlibat sebelum temubual ini diteruskan. Etika kerahsiaan telah dipatuhi sepanjang pengumpulan data, laporan dan penulisan hasil kajian. Identiti informan juga telah dikeluarkan daripada analisis dan hasil kajian.

Hasil kajian

Dari segi aspek demografi, kesemua responden adalah lelaki dan masih menjadi pelaksana yang membimbing dan menyelia pelatih yang terlibat dengan pemulihan melalui terapi kerja di CCRC terlibat. Seramai enam orang pelaksana telah ditemubual bagi mendapatkan input dan pandangan mereka mengenai impak program NBOS3 AADK dalam membantu kepulihan pelatih melalui pendekatan terapi kerja.

Hasil kajian menemukan beberapa tema penting mengenai persepsi pelaksana terhadap impak program NBOS3 AADK dalam membantu kepulihan pelatih melalui pendekatan terapi kerja, iaitu mencetus minat pelatih terhadap projek pertanian, meningkatkan kecekapan dan kemampuan bekerja, melatih kemahiran dan ilmu baharu, menggerakkan perubahan sikap dan tingkah laku, memanfaatkan masa dengan berkualiti, dan bekerja sebagai terapi.

a) Mencetus minat kepada pertanian

Hampir kesemua pelaksana yang ditemubual bersetuju bahawa kebanyakan pelatih yang terlibat dalam projek NBOS3 AADK menunjukkan minat yang positif terhadap kerja-kerja pertanian atau projek pertanian. Kebanyakan mereka memilih untuk terlibat dalam projek ini. Ini adalah berdasarkan latar belakang mereka dalam pertanian atau pengalaman mereka terlibat dalam pertanian sebelum ini. Pelatih menunjukkan minat mereka dengan mempamerkan budaya kerja yang baik dan sikap yang positif. Antaranya, datang awal ke tapak projek, berdisiplin, mendengar arahan ketua, bekerjasama dan sanggup bekerja lebih masa.

Salah seorang informan daripada CCRC 2 menyatakan bahawa ramai yang terlibat dengan program ini adalah didasari atas rasa minat;

“Kebanyakan yang masuk sini memang berminat”

Manakala responden lain menambah bahawa terdapat pelatih yang berminat terhadap program ini walaupun tidak mempunyai latar belakang pertanian. Bagi mereka yang mempunyai minat, pihak pelaksana akan memberi peluang untuk mereka terlibat dalam program;

“Ada yang memang minat dan ada juga yang dari latar belakang yang lain. Minat pertanian tapi latar belakang kerja teknikal. Tapi bila dia ada minat, kita ambil juga.”

Justeru, apabila mereka terlibat dalam kerja pertanian kerana minat, mereka bekerja secara sukarela, tanpa dipaksa. Walau pun ada yang berasal daripada latar belakang yang lain, tetapi bidang pertanian telah menarik minat mereka. Ada yang mengakui daripada bidang teknikal, bidang pertukangan dan automatif. Mungkin kerana nilai terapi yang mereka rasai daripada penglibatan mereka dalam pertanian.

b) Meningkatkan kecekapan dan kemampuan bekerja

Pelaksana yang ditemubual juga melahirkan keyakinan mereka terhadap kecekapan pelatih bekerja. Apabila ditanya samada mereka boleh mencadangkan pelatih untuk diambil bekerja, mereka memberi respon yang positif. Ramai daripada pelatih yang menunjukkan kesungguhan dan komitmen bekerja. Malah, ada yang mengakui akan mengusahakan projek pertanian sendiri setelah bebas daripada CCRC. Mereka juga menyatakan bahawa mereka banyak mendapat idea berkaitan dengan projek pertanian dan jenis komoditi yang bakal diusahakan nanti setelah terlibat dalam projek NBOS3 AADK ini.

Pelaksana daripada CCRC 3 melahirkan rasa yakin terhadap kemampuan pelatih

untuk terlibat dengan program lain iaitu OPAL:

“Saya pun ada jumpa seorang daripada 6 orang. Dia sepatutnya dah bebas tapi dia nak sambung ke projek OPAL tu jadi memang yakinlah untuk kita rekemenkan.”

Terdapat juga pelaksana yang mengaitkan penglibatan mereka dengan projek ini dengan nilai yang positif seperti wujudnya rasa bertanggungjawab dan kurang bercakap perkara yang sia-sia;

“Kebanyakan kerja sawit ni dia akan mohon ke bahagian program OPAL. Pada saya, saya yakin dengan mereka. Sebab bila mereka bekerja mereka jadi bertanggungjawab, tak ada banyak cakap yang bukan-bukan.”

Pelaksana daripada CCRC 2 juga menjelaskan bahawa pelatih di bawah pemantauan mereka boleh bekerja dengan baik. Bagi mereka, pelatih yang terlibat dalam projek pertanian NBOS3 tidak mempunyai masalah yang besar. Mereka mengakui pelatih di situ boleh melaksanakan kerja dengan baik dan boleh mengikut arahan yang diberikan. Pelatih juga kurang merungut kerana jadual diatur dengan seimbang antara masa rehat dan masa bekerja. Pelaksana di CCRC 2 menyatakan:

“Mereka boleh buat kerja. Mereka boleh ikut arahan kita”

Pelaksana juga berpuas hati dengan sikap pelatih yang boleh menerima arahan, namun mereka tetap perlu diingatkan tentang tugas mereka.

“Dari segi mendengar arahan semua tu boleh. Cuma kita kena selalu ingatkan mereka”.

c) Melatih kemahiran dan ilmu baharu

Pelaksana juga menyatakan bahawa pelatih telah banyak mempelajari kemahiran dan ilmu baharu setelah mereka terlibat dalam projek pertanian ini. Antaranya ilmu membaja (mengetahui sukatan baja yang tepat), ilmu menuai (cara mengait kelapa sawit), dan cara mengelakkan tanaman daripada terkena serangan serangga perosak. Pelaksana mengakui mereka juga belajar bersama-sama dengan pelatih kerana projek pertanian adalah sesuatu yang baharu bagi mereka. Ada sesetengah keadaan di mana pelaksana yang belajar daripada pelatih kerana pelatih lebih berpengalaman. Antaranya mengenai cara mengelak daripada terkena serangan serangga perosak.

Menurut pelaksana, mereka menunjukkan minat untuk belajar perkara yang baharu dan boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari. Ramai yang memilih untuk terlibat dalam projek pertanian kerana keinginan mereka untuk belajar ilmu yang baharu sebagaimana yang dinyatakan oleh pelaksana:

“Kalau cara yang kita bagi tu lebih mudah bagi dia, dia akan ikut. Maksudnya dia belajar dari situ.”

d) Menggerakkan perubahan sikap dan tingkah laku

Pelaksana sentiasa membuat pemerhatian ke atas sikap dan tingkah laku pelatih. Mereka mengakui pelatih yang telah terlibat dalam projek pertanian NBOS3 AADK menunjukkan perubahan sikap yang positif. Projek pertanian seperti penanaman cili, cendawan, jambu dan nenas telah menimbulkan sikap tanggung jawab, mendengar arahan, berdisiplin dan mengurus masa. Mereka juga memberikan komitmen yang baik kepada tugas yang telah dipertanggungjawabkan.

Contohnya pelaksana di CCRC 3 dapat membezakan antara pelatih yang terlibat dengan program ini dengan yang tidak

terlibat iaitu yang tinggal di asrama. Bagi yang telah terlibat, ciri positif kelihatan lebih terserlah:

“Orang yang ada projek yang ada kerja dengan orang yang duduk asrama tiada kerja, perubahan dia orang sangat berbeza”

“Orang yang kerja ni dia ada tanggung jawab, dia dapat dengar arahan dengan baik, dapat jadi ekstrovert. Pegawai pun kenal, macam percaya dekat dia, dapat menilai prestasi dia jadi ia berbeza dengan orang yang tiada kerja”.

“Bila dia bekerja, perubahan dia banyak. Dia boleh ikut arahan, bagi arahan, susun masa, boleh faham kerja dia, boleh susun kerja mana satu nak buat dulu”.

e) Memanfaatkan masa dengan berkualiti

Pelaksana menyifatkan projek pertanian ini sebagai satu aktiviti yang sangat signifikan dan memberi manfaat kepada pelatih. Pelatih diberi kepercayaan untuk membuat perancangan mengenai kerja pertanian mereka. Mereka mengagihkan kerja yang perlu dibuat dan menyusun kerja mengikut keutamaan. Kadang-kala apabila hasil tanaman seperti kelapa sawit telah mula menunjukkan hasil, mereka perlu cepat mengait buah untuk mengelakkan buah menjadi rosak. Begitu juga dengan tanaman cili. Ianya perlu segera dipetik apabila telah cukup masanya. Jika projek tanaman luas, kerja mereka lebih sukar dan memakan masa yang lebih panjang. Mereka perlu bekerja dengan cepat terutamanya apabila matahari semakin terik.

Oleh itu, projek pertanian ini telah mengajar mereka untuk lebih menghargai masa. Mereka perlu keluar dan mula bekerja di awal pagi supaya mempunyai masa yang cukup untuk menyiapkan kerja pertanian pada hari itu, samada membaja,

meracun, menyiram atau menuai. Pelaksana menyatakan bahawa mereka hanya mempunyai lima jam sahaja untuk sesuatu projek dan ini membuatkan penggunaan masa benar-benar dimanfaatkan.

“Kerja mula pukul 9 pagi. Pukul 12 dah mula balik makan, solat apa semua tu. Jadi satu hari tu ada masa 5 jam saja untuk buat projek”

“Dari segi pengisian masa dia pun bagus, tiada buang masa”

f) Bekerja sebagai terapi

Akhirnya, pelaksana menyifatkan bahawa pertanian boleh menjadi terapi yang baik kepada pelatih. Terapi dalam erti kata boleh melupakan mereka kepada tabiat sebelum ini. Ia juga bertindak sebagai terapi dengan memberi peluang kepada pelatih untuk menjalani kehidupan yang aktif dan positif. Ramai yang melahirkan rasa teruja apabila mereka berjaya menuai hasil tanaman yang diusahakan. Mereka menyuarakan rasa diri mereka berharga atau berguna apabila mereka dapat bekerja dan menyumbang kepada masyarakat. Mereka seronok apabila dapat bekerjasama dan melaksanakan kerja dalam kumpulan. Pelaksana bersetuju bahawa kerja pertanian boleh menjadi terapi kepada pelatih dengan disokong oleh amalan-amalan spiritual dan kerohanian.

Pelaksana menyifatkan bahawa kerja mereka adalah untuk memulihkan pelatih daripada segi mental dan fizikal. Kerja pertanian boleh menguatkan dan memulihkan fizikal mereka. Mereka belajar untuk berdaya tahan, kuat untuk menguruskan tanaman, dan menggunakan kudrat dengan optimum. Pelatih perlu kuat dan sihat secara fizikal untuk melawan ketagihan dan ingatan terhadap dadah. Mereka tidak boleh lemah, longlai, lesu, dan mudah mengantuk. Badan mereka perlu dipulihkan dengan melakukan kerja-kerja yang berat ini.

Pelaksana berpendapat bahawa apabila pelatih melakukan kerja pertanian seperti menebas, mencangkul, menyiram dan sebagainya, mereka secara tidak langsung boleh melepaskan perasaan mereka. Kadang-kala perasaan bosan, tertekan, kecewa, dan sedih datang menghantui pelatih. Mereka perlu melepaskan gangguan-gangguan emosi ini dengan melakukan aktiviti fizikal sambil berzikir dan mengingati Tuhan.

Pelaksana menyebut:

“Sambil-sambil kita kerja kita boleh berzikir, boleh mengadu kepada Allah. Bila kita bersendirian, macam-macam perasaan kita ada. Bila kita ramai-ramai mungkin kita malu nak meluahkan perasaan”

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat enam impak utama program NBOS3 AADK iaitu mencetus minat pelatih terhadap projek pertanian, meningkatkan kecekapan dan kemampuan bekerja, melatih kemahiran dan ilmu baharu, menggerakkan perubahan sikap dan tingkah laku, memanfaatkan masa dengan berkualiti, dan bekerja sebagai terapi.

Menerusi kajian ini, majoriti pelatih lebih meminati projek pertanian kerana mereka sebelum ini mempunyai latar belakang pertanian. Hal ini menunjukkan bahawa bidang pertanian merupakan bidang yang paling ideal untuk diceburi oleh penagih dadah. Sektor-sektor yang mungkin sesuai untuk diceburi oleh bekas penagih dadah adalah perladangan, perkilangan, perkhidmatan, dan peruncitan. Bagaimanapun, dapatan kajian Spencer, Deakin, Seddon, Ralphs dan Boyle (2008) menunjukkan bekas penagih dadah di England berminat untuk bekerja dalam bidang yang menghargai pengalaman

mereka sebagai bekas pengguna dadah, seperti agensi sokongan dadah sukarela.

Berbanding dengan kajian Lichtenberger (2006), bekas penagih dadah di Virginia diambil bekerja dengan kadar yang terhad dalam industri separa mahir seperti perlombongan, utiliti, dan pertanian. Secara umum, beliau mendapati bekas penagih dadah berpotensi dan mempunyai peluang yang cerah dalam lima bidang pekerjaan utama iaitu perkhidmatan dan pentadbiran sokongan, pembinaan, perkhidmatan makanan, perkilangan, dan perdagangan runcit. Mereka kurang diambil bekerja dalam industri pekerjaan profesional seperti teknologi maklumat, kewangan dan insurans, profesional, saintifik, perkhidmatan teknikal, pendidikan, penjagaan kesihatan, dan pentadbiran awam yang memerlukan “background check” sebagai prasyarat pemilihan pekerja.

Selain daripada itu, hasil kajian ini menunjukkan pelaksana yakin dengan kemampuan yang ada pada pelatih. Majoriti pelatih dalam kajian ini mempamerkan kecekapan berkerja dan menunjukkan kesungguhan serta komitmen kerja. Kajian Spencer et al. (2008) turut mendapati penagih dadah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi terhadap kerja. Hal ini boleh dikaitkan juga dengan keyakinan yang ada pada diri pelatih itu sendiri. Kajian yang dilakukan oleh Fauziah dan Naresh (2009) mendapati keyakinan diri yang rendah adalah penyumbang utama kepada kecenderungan penagih untuk kembali semula menagih dadah di Malaysia.

Hal ini menunjukkan bahawa keyakinan diri penting untuk melonjakkan keyakinan mereka terhadap sesuatu perkara, membantu mereka kekal bebas daripada permasalahan dadah serta membantu mereka untuk berasa yakin dengan setiap keputusan yang dibuat. Bukan itu sahaja, keyakinan diri juga membantu penagih

untuk merancang semula matlamat yang telah hilang dan berusaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Pelissier & Jones, 2006). Sebaliknya, kurang keyakinan dan penghargaan diri menyebabkan motivasi untuk memperoleh pekerjaan adalah lebih rendah (Atkinson et al., 2001; Sutton, Cebulla, Heaver & Smith, 2004).

Berdasarkan dapatan kajian, pelaksana juga mengakui pelatih telah mempelajari kemahiran dan ilmu baharu melalui penglibatan pelatih dalam projek pertanian. Projek pertanian dilihat sebagai satu inisiatif pekerjaan yang dapat membantu meningkatkan pendapatan pelatih apabila mereka bebas daripada pusat rawatan ini. Malahan juga, mereka boleh mempraktikkan ilmu serta kemahiran dalam bidang pertanian dan mengembangkan minat mereka dengan membuka perniagaan yang berasaskan pertanian. Sementara itu, komoditi pertanian yang dijalankan oleh bekas pelatih seperti kelapa sawit boleh menjadi penyumbang kepada eksport negara di peringkat global.

Di samping itu, perubahan positif dalam sikap dan tingkah laku pelatih adalah hasil penglibatan mereka dalam projek pertanian yang dilakukan. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Fauziah et al. (2010) yang menunjukkan bahawa majoriti daripada bekas penagih dilaporkan mempunyai motivasi dan inisiatif yang tinggi untuk berubah ke arah yang positif. Perubahan tingkah laku individu berlaku disebabkan oleh dua faktor penting iaitu keperluan dan kepercayaan (Mohd Azlan & Mahmood Nazar, 2009). Keperluan utama seseorang individu adalah keperluan kewangan dan mereka perlu berkerja untuk memenuhi keperluan tersebut. Selain itu, mereka juga perlu memperoleh kepercayaan masyarakat bahawa mereka masih produktif dan bukan malas serta hanya menagih simpati orang lain. Dalam hal ini, faktor yang menentukan seseorang penagih itu pulih atau tidak adalah

bergantung kepada diri mereka sendiri. Dengan kata lain, penagih mesti bersikap positif dan mempunyai motivasi yang tinggi terhadap rawatan dan pemulihan yang disediakan serta mempunyai kemahuan untuk meninggalkan penagihan dadah sepenuhnya (Muhamar Yazil Mahmud, 2003).

Kajian ini turut mendapati projek pertanian sangat bermanfaat kepada pelatih dari segi kemahiran gerak kerja dan pengisian masa mereka. Pelatih lebih menghargai masa mereka sehari-hari dengan menyiapkan kerja-kerja pertanian mereka. Dalam pada itu, dengan bekerja juga pelatih dapat menjadikannya sebagai satu terapi untuk melupakan tabiat sebelumnya dan memberi peluang kepada mereka bagi menjalani kehidupan yang aktif dan positif. Mereka melahirkan rasa teruja kerana dapat berkhidmat kepada masyarakat setempat. Hal ini disebabkan hubungan positif antara mereka dengan masyarakat memberi nafas baru serta membuatkan mereka berasa seperti “manusia” semula dan tidak lagi dilabelkan sebagai “bekas pesalah” (Johnson, 2013). Oleh itu, hubungan sosial sangat penting untuk mereka kerana dapat membantu dalam meningkatkan semangat dan motivasi pekerjaan yang mereka lakukan (Shivy et. al, 2007).

Latihan yang mereka jalani dalam pertanian ternyata boleh mendidik mereka untuk terus berdisiplin. Mereka terlatih untuk bersikap rajin dan berusaha untuk mendapatkan sesuatu hasil. Tuaiian atau hasil tanaman tidak mungkin boleh mereka petik jika bersikap malas untuk melakukan aktiviti menyiram, membaja, meracun rumput dan membersihkan kawasan. Ini akan membantu mereka memecahkan halangan mereka untuk bekerja nanti iaitu halangan sikap malas dan tidak berdisiplin. Kajian mendedahkan bahawa masalah disiplin, masalah sikap, budaya kerja negatif, dan tabiat buruk bekas pesalah terus menghalang mereka untuk memasuki

pasaran kerja atau terus diterima bekerja (Woodward 2003; Pogorzelski et al. 2005; Collins 2009). Hasil daripada penglibatan bekas banduan dan penagih dadah dalam kancah jenayah, secara tidak langsung membuatkan mereka terbiasa dengan sikap negatif seperti berbohong, mencuri, suka memberi alasan dan malas melakukan pekerjaan. Sikap-sikap negatif inilah yang telah cuba diatasi melalui penglibatan mereka dalam projek pertanian NBOS3 AADK.

Pelatih juga menunjukkan bahawa bekerja merupakan satu cara untuk melawan ketagihan dan ingatan terhadap dadah. Kajian ini selari kajian Tiburcio (2008) yang mendapati bahawa satu mekanisme alternatif yang berfungsi kepada penagih dadah di New York untuk menahan diri daripada ketagihan dadah adalah dengan memberi tumpuan kepada pekerjaan dan tanggungjawab yang mengisi masa mereka. Walaupun begitu, daya ketahanan ini bukanlah suatu perkara yang mudah diperolehi dan dipelajari oleh bekas penagih dadah. Persekitaran sosial, keluarga dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam membantu melawan ketagihan mereka. Oleh yang demikian, ketahanan diri yang kuat amat diperlukan bagi melawan ketagihan untuk jangka masa panjang. Dalam erti kata lain, daya tahan bertindak sebagai benteng supaya tidak terdedah kepada perlakuan yang tidak wajar, keganasan, penderaan atau penganiayaan. Individu yang mempunyai ketahanan diri akan melihat kesukaran sebagai suatu fasa yang bersifat sementara dan seterusnya memandangkan kehidupannya secara positif (Salami, 2010).

Dalam pada itu, pekerjaan juga dilihat sebagai elemen penting yang membantu proses pemulihan dalam kalangan penagih dadah dan menjauhkan diri mereka daripada penglibatan dalam kes jenayah (Platt, 1995; Spencer, 2008). Pekerjaan telah dibuktikan dapat mengurangkan

penagihan berulang atau relaps (Berg & Huebner, 2011; Brown, 2011; Nally, Lockwood, Ho & Knutson, 2014). Sekiranya mereka gagal mendapat pekerjaan, kecenderungan untuk relaps adalah tinggi dan kembali kepada tabiat lama mereka sebelum ini (Brown, 2011). Oleh itu, semua ahli masyarakat perlu bekerjasama dalam memberikan pekerjaan kepada bekas pelatih supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang normal selepas dibebaskan dan keluar daripada kancah dadah. Bidang pertanian dilihat sebagai satu platform yang boleh menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada bekas pelatih. Mereka boleh memilih untuk mengusahakan projek pertanian sendiri atau bekerja dengan syarikat pertanian. Dalam apa jua pilihan yang dibuat, ia akan memberi sedikit sebanyak jaminan kepada kehidupan mereka dan rasa berguna kepada keluarga. Ini akan membantu untuk mencegah relaps dalam kalangan bekas pelatih.

Oleh itu, projek pertanian NBOS3 AADK jelas menunjukkan impak yang baik kepada pelatih di CCRC. Namun, ia tidak seharusnya membuatkan pihak-pihak yang terlibat merasa selesa kerana mereka perlu terus melatih, memantau, memberikan motivasi serta sokongan kepada pelatih. Pihak CCRC dan AADK juga perlu optimis dengan kebolehan dan kemampuan pelatih untuk mengusahakan projek pertanian. Dalam pada itu, mereka juga memerlukan sokongan dan penglibatan agensi-agensi luar yang lain untuk memastikan projek pertanian yang dirancang mencapai matlamatnya. Agensi dan jabatan lain seperti FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, MARDI, dan Jabatan pertanian juga perlu terus memberikan sokongan kepada program yang dijalankan ini. Nasihat, bimbingan dan panduan daripada agensi-agensi ini akan melancarkan lagi pelaksanaan projek-projek yang dirancang (Siti Marziah Zakaria et.al, 2018).

Impak yang baik ini seharusnya memberikan motivasi untuk semua pihak bagi terus menjayakan projek pertanian NBOS3 AADK. Segala cabaran dan masalah yang timbul semasa melaksanakannya harus ditangani secara bersama juga. Impak yang baik tidak bermakna tiada cabaran dan halangan dalam menjayakan projek ini. Cabaran dalaman dan luaran boleh merencatkan usaha untuk meneruskan kejayaan projek. Cabaran seperti masa bekerja yang terlalu singkat, aktiviti yang terlalu padat, kurang bimbingan, dan sebagainya perlu ditangani dengan segera (Siti Marziah Zakaria et. al, 2018). Pelatih juga mungkin perlu diberikan ruang dan peluang yang cukup untuk bersuara bagi menyuarakan pendapat dan meluahkan masalah mereka.

Penutup

Melalui dapatan temu bual yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa projek pertanian NBOS3 telah memberikan manfaat dalam aspek penambahan kemahiran hidup kepada golongan ini. Selain itu, penglibatan dalam NBOS3 juga dilihat sebagai satu platform untuk membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan dalam kalangan pelatih. Dapatan kajian ini memberikan implikasi bahawa pelaksana turut mempunyai komitmen terhadap kejayaan terapi kerja melalui program pertanian berkenaan. Maka, adalah penting untuk memberikan sokongan serta ganjaran yang bersesuaian untuk mengekalkan momentum positif dalam kalangan pelaksana program. Akhir sekali, jelas bahawa projek pertanian NBOS3 AADK bukan sahaja membantu penagih dadah untuk mendapatkan pekerjaan, malahan juga membantu mereka melawan ketagihan dadah, meningkatkan kesihatan mental dan fizikal, menghalang pengherotan kognitif, dan membaik pulih hubungan sosial sesama masyarakat. Kajian akan datang boleh memberikan fokus kepada penerokaan aspek-aspek

sokongan sosial dalam jaringan sosial di pusat-pusat pemulihan yang menjalankan program NBOS3 ini. Melalui dapatan berkenaan, pola jaringan sosial berkaitan interaksi antara pelaksana dan pelatih akan dapat dikenalpasti dan ia boleh digunakan untuk merangka program pemulihan penagih dadah secara menyeluruh.

Penghargaan

Artikel ini ditulis berdasarkan kajian yang dibiayai oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan IPSOM. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, terutamanya AADK, CCRC, UKM, CRIM, IPSOM, dan semua pegawai serta pelatih. Kajian telah tamat pada 14 Mei 2018. Kod projek adalah SK-2017-019.

Rujukan

- Abdul Halim Mohd Hussin (2010). Counselor competency, self-efficacy, and inmates' readiness to change in drug abuse treatment and rehabilitation centers in Malaysia. Doctor of Philosophy's Dissertation, UiTM: Unpublished work.
- Atkinson, J., Lee, D., Dayton-Shotts, C., & French, C. (2001). Self-perceived job skills and employment barriers among non-drug using and chronic drug using welfare-to-work participants. *Journal of Drug Issues*, 31 (3), 747–756. doi:10.1177/2F002204260103100311
- Berg, M. T., & Huebner, B. M. (2011). Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice Quarterly*, 28 (2), 382–410.
- Blomberg, Thomas G., Williams D. Bales, and Alex R. Piquero. (2012). Is

- educational achievement a turning point for incarcerated delinquents across race and sex? *Journal of Youth and Adolescence*, 41(2), 202-216.
- Brown, C. (2011). Vocational psychology and ex-offenders' reintegration: A call for action. *Journal of Career Assessment*, 19 (3), 333–342. doi: 10.1177/2F1069072710395539
- Collins, D.L. 2009. A study of the perception held by ex-offenders of community services and family support (Master dissertation) Retrieved from ETD Collection for AUC Robert Woodruff Library Paper 58.
- Enterprise Prison Institute (2002). *Employing Prison Inmates: Does it Work?* Bethesda, MD: Enterprise Prison Institute.
- Fauziah, I & Naresh, K. (2009). The Influence of Community on Relapse Addiction to Drug use: Evidence from Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 11 (3). 471-476.
- Fauziah, I., Arifin, Z., Wan Shahrazad, W. S., Lukman, Z. M., Roseliza Murni, A. R., Zainah, A. Z., & Siti Fatimah, G. (2010). Measuring motivational readiness for change among drug addicts in Malaysia: A descriptive analysis. *The Social Sciences*, 5 (5), 429-432.
- Hartfree, Y., Dearden, C., & Pound, E. (2008). High hopes: Supporting ex-prisoners in their lives after prison. Department for Work and Pensions Research Report.
- Jabatan Penerangan Malaysia (2013). *Strategi Lautan Biru Kebangsaan*. Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.
- Johnson, K. F. (2013). Preparing ex-offenders for work: Applying the self-determination theory to social cognitive career counseling. *Journal of Employment Counseling*, 50 (2), 83–93.
- La Vigne, N., Davies, E., Palmer, T., & Halberstadt, R. (2008). *Release planning for successful reentry: A guide for corrections, service providers, and community groups*. Washington, DC: Urban Institute, Justice Policy Center.
- Langa, M. & Masuku, T. (2015). The role of ex-offenders in implementing the Community Work Programme as a crime and violence prevention initiative. *African Safety Promotion Journal*, 13 (2), 78-91.
- Lichtenberger, E. (2006). Where Do Ex-Offenders Find Jobs? An Industrial Profile of the Employers of Ex-Offenders in Virginia. *Journal of Correctional Education*, 57 (December), 297–312.
- Liimatta, M. (2017). *Work Therapy in Recovery Programs*. Alcoholics Victorious. Dipetik daripada <https://alcoholicsvictorious.org/library/Work-Therapy> pada 27 April 2017.
- Mills, A. J., Durepos, G., and Wiebe, E. [Eds.] (2010) *Encyclopedia of Case Study Research*, Volumes I and II. Thousand Oaks, CA: Sage
- Mohd Azlan & Mahmood Nazar. (2009). Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). *Journal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1–29.
- Mosby's Medical Dictionary (2009). Retrieved April 27 2017 from <http://medical->

- dictionary.thefreedictionary.com/worktherapy
- Muhamar Yazil Mahmud (2003). Program rawatan dan pemulihan dadah di pusat serenti. *Malaysian Journal of Social Administration*. 2, 63-79.
- Najwa M. R., Sabitha M. & Mahmood N. M. (2008). Motivasi untuk berubah di kalangan wanita yang bergantung kepada dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah dalam institusi. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 3: 235-277.
- Nally, J. M., Lockwood, S., Ho, T., & Knutson, K. (2014). Indiana Industry sectors that Hire ex-offenders: Implications to Correctional Education Programs. *Journal of Correctional Education*, 65 (3), 43–65.
- Pelissier, B & Jones, N. (2016). Differences in motivation, coping style, and self-efficacy among incarcerated male and female drug users. *Journal of Substance Abuse*, 30 (2), 113-20. doi: 10.1016/j.jsat.2005.10.006
- Platt, J. J. (1995). Vocational rehabilitation of drug abusers. *Psychology Bulletin*, 117 (3), 416–433.
- Pogorzelski, W., Wolff, N., Pan, K.-Y., & Blitz, C. L. 2005. Behavioral Health Problems, Ex-Offender Reentry Policies, and the “Second Chance Act.” *American Journal of Public Health*, 95 (10), 1718–1724. <http://doi.org/10.2105/AJPH.2005.065805>
- Salami, S.O. (2010). Moderating effects of resilience, self-esteem and social support on adolescents’ reactions to violence. *Asian Social Science*, 6 (12): 101-110. doi:10.5539/ass.v6n12p101
- Saylor, W. & Gaes, G. (1992). The Post-Release Employment Project. *Federal Prisons Journal*, 2(4), 33–36.
- Shivy, V. A., Wu, J. J., Moon, A. E., Mann, S. C., Holland, J. G., & Eacho, C. (2007). Ex- Offenders Reentering the Workforce. *Journal of Counseling Psychology*, 54 (4), 466– 473. doi: 10.1037/0022-0167.54.4.466
- Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar & Norhazila Mat Lazim, (2019). Employment issues among ex-offenders: Difficulties in securing employment and barriers of employment. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5 (Oct.), 8-12.
- Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar, Norul Huda Sarnon, Noor Deyana Tambi & Mohd Nasir Selamat. 2018. Laporan Akhir Kajian Impak NBOS3 AADK melalui Pendekatan Terapi Kerja, AADK, Malaysia. Penulisan tidak diterbitkan.
- Solomon, A.L., Johnson, K.D., Travis, J., & McBride, E.C. (2004). From Prison to Work: The Employment Dimensions of Prisoner Reentry, Urban Institute.
- Spencer, J., Deakin, J., Seddon, T., Ralphs, R., & Boyle, J. (2008). Getting Problem Drug Users Back into Employment. Retrieved from <http://www.ukdpc.org.uk/reports.sh tml>
- Sutton, L., Cebulla, A., Heaver, C. and Smith, N. (2004). Drug and Alcohol Use as Barriers to Employment: A Review of the literature. Loughborough: CRISP, University of Loughborough.

- Tiburcio, N. J. (2008). Long-term recovery from heroin use among female ex-offenders: Marisol's story. *Substance Use and Misuse*, 43 (12–13), 1950–1970. doi:10.1080/10826080802297369.
- Vacca, James S. (2004). Educated Prisoners Are Less Likely to Return to Prison. *Journal of Correctional Education*, 55(4), 297- 305
- Wilson, David B., Catherine A. Gallagher, and Doris L. MacKenzie. (2000). A Meta-Analysis of Corrections-Based Education, Vocation, and Work Programs for Adult Offenders. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 37(4), 347–368.
- Woodward, R. 2003. Families of prisoners: Literature review on issues and difficulties. Occasional Paper No.10. Australian Government Department of Family and Community Services.
- Yin, R. K. 2011. *Qualitative research from start to finish*. New York: The Guilford Press.